

09/08/1997

Pengurus dana tempatan sahut saranan PM

Abdul Halim Yusoff

PENGANALISIS ekonomi bersetuju dengan saranan Perdana Menteri, supaya pengurus dana tempatan perlu mengambil peluang untuk membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang kini sudah berada di bawah nilai sebenarnya.

Mereka yang dihubungi di Kuala Lumpur semalam, sebuat suara berpendapat sekarang adalah paling baik untuk pengurus dana dan pelabur runcit membeli saham membeli tetapi bukanlah untuk pulangan segera.

"Matematik asas memang menjelaskan pelabur perlu membeli pada harga murah dan menjualnya pada harga tinggi untuk mendapatkan keuntungan.

"Tetapi keadaan memerlukan mereka berhati-hati dan tidak terburu-buru kerana kita tidak tahu bila pasaran akan melonjak semula," kata seorang penganalisis di Pengurus Penyelidikan Pengkalen Securities, Low Kwong Choong.

Katanya, memang wajar pengurus dana tempatan memasuki pasaran sekarang dengan membeli beberapa saham yang mempunyai asas pertumbuhan yang menggalakkan tetapi ia bergantung kepada saiz dana yang mereka miliki.

"Jika mereka mempunyai saiz dana yang kecil sudah tentu mereka tidak dapat bertahan lama membeli saham yang tidak memberi pulangan segera," katanya ketika dihubungi, bagi mengulas saranan Dr Mahathir, kelmarin.

Perdana Menteri, ketika mengulas kejatuhan harga saham sehingga Indeks komposit BSKL mencecah paras paling rendah dalam tempoh 21 bulannya pada 928.33 mata, berkata sekarang ialah peluang baik untung pengurus dana membeli.

Saranan beliau itu dikatakan memberi sedikit semangat kepada peserta pasaran sehingga membolehkan Indeks Komposit BSKL ditutup pada 932.36 mata, meningkat 4.03 mata berbanding penutup sebelumnya.

Sementara itu, Penganalisis di Capitalcorp Securities Sdn Bhd, Azman Termizi, berkata saranan Dr Mahathir itu memang tepat kerana keadaan harga saham di bawah nilai sebenar sekarang adalah masa terbaik untuk membeli.

Menurutnya, terdapat beberapa faktor yang menyokong saranan Dr Mahathir agar pengurus dana tempatan dan pelabur runcit memasuki pasaran bagi mendapatkan prospek keuntungan yang baik.

"Harga saham yang kebanyakannya sudah berada di bawah paras sebenarnya kini memang mempunyai ruang untuk peningkatan yang amat besar. Pengurus dana tempatan wajar merebut peluang ini," katanya.

Katanya, biarpun ada beberapa unsur negatif ekonomi seperti defisit imbalan pembayaran pada bulan Jun tetapi ia hanya kepada sektor import pukal sahaja dan tidak menjejaskan sektor lain.

"Unsur lain seperti kejatuhan nilai ringgit yang dialami sekarang bukan disebabkan masalah ekonomi negara tetapi ia fenomena semasa yang menunjukkan peningkatan permintaan dolar.

"Ramai orang ingin memiliki dolar dan menjual ringgit menyebabkan berlaku keadaan seolah-olah lambakan ringgit yang banyak di pasaran sehingga nilainya turut jatuh," katanya.

(END)